

AGENDA 4

Menimbang Dan Meluluskan Penyata
Kewangan Teraudit Bagi Tahun Kewangan
Berakhir 31 Disember 2024

MAPT KE-44

AGENDA 4

Menimbang Dan Meluluskan Penyata Kewangan Teraudit Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2024

TUJUAN

Agenda ini adalah berkaitan penyata kewangan teraudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024 untuk pertimbangan kelulusan perwakilan.

PENYATA UNTUNG RUGI

2. Rumusan penyata untung rugi bagi tahun kewangan 2024 dan perbandingan tahun 2023 adalah seperti berikut:

Perkara	2024 RM'000	2023 RM'000	Beza %
Pendapatan	432,608	298,152	45.10
Kos Jualan	(173,074)	(153,713)	12.60
Untung Kasar	259,534	144,439	79.68
Pendapatan Lain	3,342	6,906	(51.61)
Belanja Pentadbiran	(23,952)	(23,461)	2.09
Belanja Operasi	(55,491)	(49,502)	12.10
Kos Kewangan	(26,524)	(26,943)	(1.56)
Untung Sebelum Pelarasan Operasi	156,909	51,439	205.04
Pelarasan Operasi	229	6,324	(96.38)
Untung Sebelum Pembahagian Berkanun, Cukai dan Zakat	157,138	57,763	172.04
Pembahagian Berkanun	(20,427)	(7,609)	168.46
Peruntukan Cukai	-	-	-
Peruntukan Zakat	(200)	-	100.0
Pindahan ke Kumpulan Wang Penebusan Syer	(6,836)	(2,513)	172.03
Untung Sebelum Pelarasan Bukan Operasi	129,675	47,641	172.19
Pelarasan Bukan Operasi	11,508	5,140	123.89
Untung Bersih	141,183	52,781	167.49

(a) Pendapatan

Pendapatan meningkat sebanyak RM134.46 juta atau 45.10% antaranya disebabkan oleh:

- peningkatan pendapatan dividen dari syarikat Kumpulan FGV sebanyak RM82.73 juta (2024: RM118.86 juta; 2023: RM36.13 juta);
- peningkatan pendapatan dari aktiviti perladangan sebanyak RM44.71 juta (2024: RM236.85 juta; 2023: RM192.14 juta); dan
- peningkatan pendapatan hartanah sebanyak RM4.97 juta (2024: RM30.61 juta; 2023: RM25.64 juta).

(b) Kos Jualan

Kos jualan meningkat sebanyak RM19.36 juta atau 12.60% selari dengan peningkatan pendapatan aktiviti perladangan.

(c) **Perbelanjaan**

Jumlah perbelanjaan adalah RM105.96 juta, merekod peningkatan sebanyak RM6.06 juta atau 6.07% berbanding tempoh yang sama tahun 2023 berjumlah RM99.90 juta. Peningkatan ini antaranya disebabkan oleh kenaikan perbelanjaan operasi seperti peruntukan rosot nilai penghutang sebanyak RM1.08 juta (2024: RM1.08 juta; 2023: RM Nil), yuran guaman dan profesional sebanyak RM2.14 juta (2024: RM3.26 juta; 2023: RM1.12 juta), yuran ejen belian BTS sebanyak RM1.20 juta (2024: RM4.09 juta; 2023: RM2.89 juta) dan yuran proses pembiayaan sebanyak RM1.0 juta (2024: RM1.0 juta; 2023: RM Nil).

(d) **Keuntungan Bersih**

Keuntungan bersih adalah RM141.18 juta, meningkat sebanyak RM88.40 juta atau 167.49% berbanding tahun 2023 berjumlah RM52.78 juta.

KUNCI KIRA-KIRA

3. Rumusan kunci kira-kira pada 31 Disember 2024 dan perbandingan tahun 2023 adalah seperti berikut:

Perkara	2024 RM'000	2023 RM'000	Beza %
Aset Bukan Semasa	2,609,188	2,566,970	1.64
Aset Semasa	1,621,117	1,570,213	3.24
Jumlah Aset	4,230,305	4,137,183	2.25
Ekuiti	3,300,908	3,296,868	0.12
Liabiliti Bukan Semasa	497,444	470,462	5.74
Liabiliti Semasa	431,953	369,853	16.79
Jumlah Liabiliti	929,397	840,315	10.60
Jumlah Liabiliti dan Ekuiti	4,230,305	4,137,183	2.25

(a) **Jumlah Aset**

Jumlah aset adalah RM4,230.31 juta, meningkat sebanyak RM93.13 juta atau 2.25% berbanding tahun 2023 berjumlah RM4,137.18 juta. Peningkatan ini antaranya disebabkan oleh:

- peningkatan penghutang perdagangan sebanyak RM35.95 juta (2024: RM57.92 juta; 2023: RM21.97 juta) merangkumi hutang sewaan hartanah berjumlah RM4.68 juta dan hutang perladangan (termasuk urus niaga BTS) berjumlah RM31.27 juta;
- peningkatan pembiayaan Perbankan Komersial dan Ar-Rahnu sebanyak RM20.80 juta (2024: RM425.35 juta; 2023: RM404.55 juta) melibatkan pembiayaan kepada anggota berjumlah RM1.71 juta dan pembiayaan Ar-Rahnu berjumlah RM19.09 juta;
- peningkatan Akaun Deposit Koperasi (ADK) sebanyak RM15.71 juta (2024: RM70.50 juta; 2023: RM54.79 juta) terhasil daripada pembahagian berkanun, Kumpulan Wang Rizab Statutori (KWRS) tahun semasa; dan
- pertambahan aset untuk dijual (Ladang Samarahan) sebanyak RM13.43 juta (2024: RM1,213.11 juta; 2023: RM1,199.68 juta) merangkumi tambahan kos pembangunan ladang berjumlah RM11.16 juta dan aset biologi berjumlah RM2.27 juta.

(b) Jumlah Liabiliti

- i. peningkatan pembiayaan dengan institusi kewangan sebanyak RM38.32 juta (2024: RM536.31 juta; 2023: RM497.99 juta) melalui penggunaan pembiayaan jangka pendek baharu berjumlah RM60 juta dan bayaran balik pembiayaan sedia ada berjumlah RM21.68 juta;
- ii. peningkatan hutang kepada syarikat-syarikat subsidiari dan FELDA sebanyak RM15.69 juta (2024: RM33.37 juta; 2023: RM17.68 juta) melibatkan hutang kepada syarikat-syarikat subsidiari berjumlah RM6.28 juta dan hutang kepada FELDA berjumlah RM9.41 juta;
- iii. peningkatan ADK belum bayar sebanyak RM15.61 juta (2024: RM70.40; 2023: RM54.79 juta); dan
- iv. peningkatan pemiutang perdagangan dan lain-lain pemiutang sebanyak RM13.13 juta (2024: RM190.05 juta; 2023: RM176.92 juta) merangkumi pemiutang perdagangan berjumlah RM2.49 juta dan lain-lain pemiutang berjumlah RM10.64 juta.

(c) Jumlah Ekuiti

Jumlah ekuiti adalah RM3,300.91 juta, meningkat sebanyak RM4.04 juta atau 0.12% berbanding tahun 2023 berjumlah RM3,296.87 juta disebabkan peningkatan keuntungan terkumpul, Kumpulan Wang Rizab Statutori (KWRS) dan Kumpulan Wang Penebusan Syer (KWPS). Walau bagaimanapun, modal syer menyusut sebanyak RM42.18 juta.

4. Laporan penyata kewangan teraudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024 disertakan secara berasingan.

SYOR

5. Agenda ini dibentangkan untuk pertimbangan kelulusan perwakilan.

MAPT KE-44